

**TAHAP KEYAKINAN KEMAHIRAN GENERIK DI KALANGAN
PELAJAR : KAJIAN KES DI SALAH SEBUAH KOLEJ
KEDIAMAN KEDIAMAN DI UTM, KAMPUS SKUDAI,
JOHOR BAHRU, MALAYSIA**

MERIAM BINTI YUSOFF

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

DEDIKASI

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PENGASIH LAGI MAHA PENYAYANG.....

Bingkisan Ilmu ini dititipkan untuk.....

Bonda, dan kekanda tersayang....

*Bidah b. Awang Mamat, Ibrahim b. Yusoff dan Khaleed b. Yusoff.
Jasa dan pengorbanan kalian tidak mungkin terbalas walau dengan segunung
intan. Doa dan restu menjadi dorongan dan pembakar semangat buat Sue...*

*Kak Dah dan Kak Ma serta anak-anak buah tersayang
tidak pernah Sue lupakan. Terima kasih atas segala kasih sayang yang telah kalian
berikan sebagai pendorong dan menjadi sumber inspirasi kepada Sue. Pengorbanan
kalian terlalu besar untuk Sue..... Doakan semoga Sue berjaya....hanya sebuah
KEJAYAAN yang mampu Sue berikan buat semua.....*

Buat rakan-rakan dan teman yang dikasih....

*Nordin, Florence, Zubaidah, Nurul, Linda, Lisa, Helen dan Kak As
yang telah banyak membantu memberi nasihat dan dorongan kepadaku....
tidak akan kulupa buat selama-lamanya. Kalian semua mengajarku erti sebuah
PERSAHABATAN.....sesungguhnya kalian menjadi pembimbing selaku teman
yang setia dalam perjuanganku....Semoga kejayaan akan menjadi milik kita...
MEMORI BERSAMA AKAN TERUS MEKAR SEBAGAI KENANGAN
TERINDAH UNTUK SELAMANYA...*

JUTAN TERIMA KASIH KUCAPKAN BUAT SEMUA.....

PENGHARGAAN

Dengan Nama ALLAH Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Syukur Ke-Hadrat ALLAH SWT atas limpah kurnia dan rahmatnya, dapat saya menyempurnakan Projek Sarjana ini dalam masa yang ditetapkan.

Penghargaan ikhlas dan jutaan terima kasih kepada pensyarah pembimbing iaitu Dr. Mohamed Sharif bin Mustaffa. Selaku penyelia kursus ini yang telah banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar, komentar serta dorongan kepada saya di dalam menyiapkan penulisan ilmiah ini.

Ribuan terima kasih kepada pihak Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail, UTM, Skudai yang telah memberi kebenaran menggunakan sampel di kolej tersebut. Buat Bahakhi dan semua pihak yang terlibat dalam membantu saya sepanjang proses menyiapkan penulisan ilmiah ini. Semoga sumbangan dan jasa baik anda mendapat rahmat daripadanya.

Tidak lupa juga kepada mahasiswa-mahasiswa yang telah memberi kerjasama yang baik sebagai responden dan sudi meluangkan masa mengulangkaji pelajaran untuk menjawab soal selidik yang diedarkan. Terima kasih dengan kerjasama anda dan semoga anda berjaya di dalam bidang yang diceburi.

Sekian terima kasih.

-Meriam Yusoff-

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu analisis terhadap tahap keyakinan kemahiran generik di kalangan pelajar tahun dua di salah sebuah kolej kediaman di kampus UTM, Skudai. Kajian ini juga dilakukan dengan melihat perbezaan tahap keyakinan kemahiran generik antara jantina. Populasi kajian ialah seramai 246 orang pelajar daripada pelbagai kursus. Pemilihan sampel secara rawak mudah telah dilakukan dan seramai 152 orang pelajar telah dipilih sebagai responden. Kajian ini dilakukan secara kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan data dan seterusnya data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis statistik deskriptif dan analisis statistik inferens iaitu Analisis Skor Min dan Ujian-t. Secara keseluruhan, keputusan analisis menunjukkan tahap keyakinan kemahiran generik adalah pada tahap yang tinggi. Hasil analisis Ujian-t, juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap keyakinan kemahiran generik merentas jantina sekaligus menyokong hipotesis kajian ini. Namun demikian, diharapkan semua pihak yang terlibat memberi perhatian dan mengambil langkah yang berkesan dalam usaha memperkembangkan kemahiran generic pelajar terutamanya di UTM bagi menyediakan tenaga kerja yang memenuhi kehendak pasaran kerja semasa dan masa depan seterusnya memastikan Negara terus *survive* dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

ABSTRACT

The purpose of this research is an analysis among second year student on the mastery level of generic skills located at one of the hostel in UTM, Skudai Campus. This study was also conducted to seek the differences of students generic skills across gender. The populations of this study is comprised 246 students from various courses and 152 students were randomly selected as a sample in this studies. Quantitative method was used for the research design using questionnaire as a method to obtain the data. The questionnaire data then will be analyzed using the Descriptive Statistical Analysis for tendency and inferential statistical analysis for t-test. Overall the finding of analysis result indicated that the levels of students generic skill were high. A T-Test analysis also indicated that there was no significant differences between student generic skills level across gender. These finding shows that the hypothesis of this research is insignificant. Nevertheless, all the parties involved should take effective steps and effort to expand the generic skills of student especially at UTM as to prepare them to be future work forces that could fulfill current and future market demand. Furthermore to ensure that our country can survive and able to compete at the international level.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	
	PENGAKUAN	
	DEDIKASI	
	PENGHARGAAN	
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	DAFTAR SINGKATAN	xv
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latarbelakang Masalah	4
	1.3 Penyataan Masalah	5
	1.4 Matlamat Kajian	6
	1.5 Objektif Kajian	6
	1.6 Hipotesis Kajian	7
	1.7 Kepentingan Kajian	8
	1.8 Skop dan Batasan Kajian	9

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	1.9 Definisi Konsep dan Operasional	9
	1.9.1 Definisi Tahap	10
	1.9.2 Definisi Keyakinan	10
	1.9.3 Definisi Kemahiran	10
	1.9.4 Definisi Kemahiran Generik	10
	1.9.5 Definisi Pelajar	11
	1.10 Kerangka Konsep	12
	1.12 Penutup	13
BAB 2	SOROTAN KAJIAN	
	2.1 Pengenalan	14
	2.2 Kemahiran Generik	16
	2.3 Kemahiran Generik Dari Perspektif Islam	19
	2.4 Kemahiran Generik dan Kepentingan Setiap Elemen di UTM	22
	2.5 Model-model Kemahiran Generik	32
	2.5.1 Kemahiran Generik Oleh Espinonza	32
	2.5.2 Kemahiran Generik Oleh Pumphery	34
	2.5.3 Kemahiran Generik Oleh Pusat Perkembangan Kurikulum Sekolah Ke Kerjaya	36
	2.6 Kajian-Kajian Lepas	
	2.6.1 Kajian Dalam Negara	38
	2.6.2 Kajian Luar Negara	43
	2.7 Rumusan	47

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
------------	----------------	-------------------

BAB 3	METODOLOGI PENYELIDIKAN	
--------------	--------------------------------	--

3.1	Pengenalan	49
3.2	Rekabentuk Penyelidikan	50
3.3	Prosedur Kajian	52
3.4	Tempat Kajian	54
3.5	Persampelan Kajian	54
3.6	Instrumen Kajian	
3.6.1	Bahagian A: Demografi Pelajar	55
3.6.2	Bahagian B: Kemahiran Generik	55
3.6.3	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	56
3.6.4	Analisis Data	58
	3.6.4.1 Analisis Deskriptif	58
	3.6.4.2 Analisis Tahap Kemahiran Generik Perbandingan Min	60
	3.6.4.3 Analisis Ujian-t	60

BAB 4	ANALISIS DAPATAN KAJIAN	
--------------	--------------------------------	--

4.1	Pengenalan	
4.2	Bahagian A: Analisis Deskriptif	
4.2.1	Latarbelakang Pelajar Mengikut Jantina dan Kursus	63
4.2.2	Analisis Data Mengikut Bahagian Dalam Soal Selidik	66
4.2.3	Analisis Tanggapan Pelajar Terhadap Tahap Keyakinan Kemahiran Generik Dalam Diri	
	4.2.3.1 Analisis Item Kemahiran Berkomunikasi	67
	4.2.3.2 Analisis Item Kemahiran Bekerja	70

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	Dalam Kumpulan	
	4.2.3.3 Analisis Item Kemahiran	72
	Menyelesaikan Masalah	
	4.2.3.4 Analisis Item Kemahiran Menjadi Fleksibel	74
	4.2.3.5 Analisis Pembelajaran Sepanjang Hayat	76
	4.2.3.6 Analisis Keyakinan Diri	77
	4.2.3.7 Analisis Kemahiran Beretika	79
	4.2.3.8 Analisis Keseluruhan	81
	4.2.3.9 Analisis Perbandingan Skor Min	83
	Kemahiran Generik Berdasarkan Jantina	
4.3	Bahagian B: Analisis Inferensi Hipotesis	
4.3.1	Analisis t-test	85
4.3.1.1	Hipotesis nol 1 (Ho 1)	85
4.3.1.2	Hipotesis nol 2 (Ho 2)	86
4.3.1.3	Hipotesis nol 3 (Ho 3)	86
4.3.1.4	Hipotesis nol 4 (Ho 4)	87
4.3.1.5	Hipotesis nol 5 (Ho 5)	88
4.3.1.6	Hipotesis nol 6 (Ho 6)	88
4.3.1.7	Hipotesis nol 7 (Ho 7)	89
4.3.1.8	hipotesis nol 8 (Ho 8)	90
4.4	Kesimpulan	90
BAB 5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	92
5.2	Perbincangan	93
5.2.1	Tahap Kemahiran Generik Pelajar (Kemahiran Berkomunikasi)	93

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	5.2.2 Tahap Kemahiran Generik Pelajar (Kem. Bekerja Berkumpulan)	93
	5.2.3 Tahap Kemahiran Generik Pelajar (Kem. Menyelesaikan Masalah)	95
	5.2.4 Tahap Kemahiran Generik Pelajar (Kem. Menjadi Fleksibel)	97
	5.2.5 Tahap Kemahiran Generik Pelajar (Kem. PSH)	98
	5.2.6 Tahap Kemahiran Generik Pelajar (Kem. Berkeyakinan Diri)	100
	5.2.7 Tahap Kemahiran Generik Pelajar (Kem Beretika dan Moral)	101
	5.2.8 Perbezaan Kemahiran Berkomunikasi Merentas Jantina	102
	5.2.9 Perbezaan Kemahiran Bekerja Secara Kumpulan Merentas Jantina	103
	5.2.10 Perbezaan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Merentas Jantina	103
	5.2.11 Perbezaan Kemahiran Menjadi Merentas Jantina	104
	5.2.12 Perbezaan Kemahiran Berkomunikasi Fleksibel Merentas Jantina	105
	5.2.13 Perbezaan Kemahiran Berkeyakinan Diri Merentas Jantina	106
	5.2.14 Perbezaan Kemahiran Beretika dan Moral Merentas Jantina	106
	5.2.15 Perbezaan Kemahiran Generik Secara Keseluruhan Merentas Jantina	107

BAB	PERKARA	MUKA SURAT	
	5.3	Cadangan	108
	5.4	Cadangan Kajian Pada Masa Depan	110
	5.5	Rumusan	111
BIBLIOGRAFI			112
LAMPIRAN A:	Borang Soal Selidik		

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Jenis Konstruk dan Bilangan Item Dalam Soal Selidik	56
3.2	Taburan Kebolehpercayaan Item Soal Selidik	57
3.3	Perubahan 5 Point Skala Likert Kepada Skala 3 Peringkat	59
4.2.1	Taburan Kekerapan Responden Mengikut Jantina	64
4.2.2	Taburan Kekerapan Responden Mengikut Kursus	64
4.2.3	Analisis Data Mengikut Bahagian Dalam Soal Selidik	66
4.2.4	Jadual Tahap Keyakinan Kemahiran Generik	67
4.2.5	Taburan Tahap Keyakinan Responden Dalam Kemahiran Berkomunikasi	67
4.2.6	Taburan Tahap Keyakinan Responden Dalam Kemahiran Bekerja Secara Kumpulan	70
4.2.7	Taburan Tahap Keyakinan Responden Dalam Kemahiran Menyelesaikan Masalah	72
4.2.8	Taburan Tahap Keyakinan Responden Dalam Kemahiran Menjadi Fleksibel	74

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
4.2.9	Taburan Tahap.Keyakinan Responden Dalam Kemahiran Pembelajaran Sepanjang Hayat	76
4.2.10	Taburan Tahap Keyakinan Responden Dalam Kemahiran Berkeyakinan Diri	77
4.2.11	Taburan Tahap Keyakinan Responden Dalam Kemahiran Beretika dan Moral	79
4.2.12	Taburan Min Keseluruhan Bagi Tahap Kemahiran Generik	81
4.2.13	Analisis Perbandingan Skor Min Kemahiran Generik Berdasarkan Jantina	83
4.3.1	Perbandingan Kemahiran Komunikasi Antara Jantina	85
4.3.2	Perbandingan Kemahiran Bekerja Secara Kumpulan	86
4.3.3	Perbandingan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Antara Jantina	86
4.3.4	Perbandingan Kemahiran Menjadi Fleksibel Antara jantina	87
4.3.5	Perbandingan Kemahiran Pembelajaran Sepanjang Hayat Antara Jantina	88
4.3.6	Perbandingan Kemahiran Berkeyakinan Diri Antara Jantina	88
4.3.7	Perbandingan Kemahiran Beretika dan Moral Antara Jantina	89
4.3.8	Keputusan Keseluruhan Perbezaan Tahap Keyakinan Kemahiran Generik Merentas Jantina	90

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Konsep	12
4.2.1	Graf Palang Taburan Min Keseluruhan Tahap Keyakinan Kemahiran Generik	82
4.2.2	Graf Palang Skor Min Merentas Jantina	84
5.1	Model Penyelesaian Masalah Dewey	96

DAFTAR SINGKAT

SHR	Sarjana Muda Sains (Pembangunan Sumber Manusia)
SKP	Sarjana Muda Kejuruteraan (Petroleum)
SPE	Sarjana Muda Tek. Serta Pendidikan (Kej. Elektrik)
SPA	Sarjana Muda Tek. Serta Pendidikan (Kej. Awam)
SAW	Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam)
SCS	Sarjana Muda Sains (Sains Komputer)
SEC	Sarjana Muda Kejuruteraan (Komputer)
SET	Sarjana Muda Kejuruteraan (Telekomunikasi)
SGG	Sarjana Muda Sains (Geoinformatik)
SHD	Sarjana Muda Pengurusan (Teknologi)
SKK	Sarjana Muda kejuruteraan (Kimia)
SPL	Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (TESL)
SRI	Sarjana Muda Sains ((Rekabentuk Industri)
SSC	Sarjana Muda Sains (Kimia Industri)
SEE	Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik)
SEI	Sarjana Muda Kej. (Elektrik- Kaw. & Instrumentasi)
SHF	Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)
SMB	Sarjana Muda Kej (Mekanikal & Bahan)
SMI	Sarjana Muda Kej. (Mekanikal – Industri)
SGP	Sarjana Muda Sains (Pengurusan Harta Tanah)
SEP	Sarjana Muda Kej (Elektrik – Elektronik Perubatan)
SKR	Sarjana Muda Kej (Kimia Polimer)
SKB	Sarjana Muda Kej (Kimia Bioproses)

SKG	Sarjana Muda Kej (Kimia Gas)
SGU	Sarjana Muda Kej (Geomatik)
SBS	Sarjana Muda Senibina
PSH	Pembelajaran Sepanjang Hayat
PBL	Problem Based Learning

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Masalah pengangguran di kalangan graduan universiti bukan lagi merupakan sesuatu yang dianggap janggal dewasa ini. Ianya sering dibincangkan sama ada di peringkat kementerian, universiti malah ianya juga merupakan suatu isu yang sering mendapat perhatian pihak media dan juga masyarakat umum. Salah satu isu yang dikatakan merupakan faktor penyebab ialah disebabkan kekurangan dan kelemahan graduan yang dikeluarkan oleh pihak institusi pengajian tinggi itu sendiri.

Pihak institusi pengajian tinggi sering menekankan bahawa pelbagai usaha telah dijalankan bagi memastikan program pendidikan yang dilaksanakan mampu menyediakan tenaga mahir yang diperlukan oleh negara. Namun terdapat banyak rungutan dari pihak majikan yang mengatakan bahawa kebanyakan graduan yang dikeluarkan gagal memenuhi keperluan seperti mana yang diharapkan. Graduan tidak mampu berfikir secara kritikal, kurang kemahiran menyelesaikan masalah, kurang kemahiran komunikasi dan kerja kumpulan, kurang kemahiran menggunakan

kemudahan ICT, lemah berbahasa Inggeris dan sebagainya merupakan antara keluhan yang sering diutarakan oleh pihak majikan.

Atas dasar tersebut, kebanyakan institusi pengajian tinggi tidak hanya berfokus kepada proses penyaluran pengetahuan dan kemahiran dalam pengkhususan akademik semata-mata. Penerapan kepada kemahiran generik amat diperlukan bagi membolehkan seseorang graduan memainkan peranan dengan lebih berkesan dalam dunia pekerjaan yang sebenarnya juga mula diberi perhatian. Kemahiran generik seperti kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran komunikasi, kemahiran bekerja secara berkumpulan dan sebagainya merupakan ciri-ciri yang amat perlu difahami, dikuasai dan seterusnya mampu diamalkan oleh setiap graduan yang dikeluarkan oleh institusi pengajian tinggi.

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sendiri tidak terkecuali dalam mengalami arus perubahan ini. Perancangan dan pembangunan program penerapan kemahiran generik di kalangan pelajar telah mula dirancang dan dilaksanakan sejak beberapa tahun yang lalu. Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) turut memberi penekanan serta menyokong setiap program yang berkaitan dengan penerapan kemahiran generik di kalangan pelajar UTM.

Pejabat Pengajaran dan Pembelajaran menerusi UNIPEN khususnya telah diamanahkan oleh pihak universiti untuk melaksanakan pelbagai program, bengkel, aktiviti dan sebagainya bagi memastikan matlamat tersebut dapat dicapai. Program pembinaan atribut graduan UTM dan penerapan kemahiran generik di kalangan pelajar merupakan antara program yang telah dijalankan bagi menyahut cabaran tersebut. Berdasarkan program tersebut juga, UTM telah berjaya menyenaraikan atribut graduan yang sewajarnya dicapai oleh pelajar UTM seperti kemahiran berkomunikasi, bekerja dalam kumpulan, menyelesaikan masalah, fleksibel dan mampu menyesuaikan diri dan sebagainya.

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah menetapkan kemahiran dan nilai yang perlu diterapkan untuk graduannya sebagai melengkapi diri ke pasaran kerjaya di samping kemahiran teknikal pengkhususan masing-masing. Di antara kemahiran tersebut ialah kemahiran komunikasi, bekerja dalam kumpulan, penyelesaian masalah, mampu menyesuaikan diri, pembelajaran sepanjang hayat, keyakinan diri dan etika atau moral (Buletin P & P, UTM, 2004).

Pembangunan 'Modal Insan' di institusi pengajian tinggi (IPT) mempunyai lima gagasan utama iaitu penerapan nilai intelektual universal, pemurnian nilai kebangsaan, kredibiliti dan keprihatinan sosial, pengantarabangsaan kegiatan pelajar, dan pemeriksaan patriotisme (Utusan Malaysia). Dalam merealisasikan agenda tersebut, kemahiran generik merupakan salah satu kayu ukur yang menjadi medium untuk mengenalpasti sejauhmana tahap kesediaan pelajar mendepani alaf globalisasi. Kemahiran generik merupakan kemahiran utama yang perlu ada pada pelajar dalam melaksanakan tugas dengan sempurna.

Menurut Model Kearns (2001), kemahiran generik pada individu boleh dikelaskan kepada empat kumpulan iaitu kesediaan bekerja dan sifat bekerja individu, pengetahuan dalam keusahawanan, kreatif dan inovatif, mempunyai kemahiran interpersonal dan berfikir, serta mempunyai kemahuan untuk belajar. Kemahiran generik dalam kelompok pertama, kesediaan bekerja, terdiri dari pengetahuan asas pada diri individu dalam bidang tertentu dan mahir dalam penggunaan teknologi, amalan dalam bekerja, mempunyai minat dalam perniagaan dan boleh mengurus diri dan kebolehan merancang dalam organisasi.

Kelompok yang kedua ialah seorang pekerja mesti mempunyai kemahiran interpersonal iaitu mahir dalam komunikasi sama ada secara lisan atau bertulis terutama dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik, memahami dan menghormati pendapat orang lain serta memahami diri sendiri. Kelompok ketiga meliputi kemahiran generik dalam konsep berfikir dan belajar, di mana seseorang boleh menggunakan daya berfikir yang baik dalam menyelesaikan masalah secara kritikal, menganalisa maklumat

dan ada kemahuan dalam diri untuk belajar memajukan diri. Sementara Kearns juga berpendapat, kelompok yang keempat adalah perusahaan, keusahawanan, inovasi, kreativiti iaitu seseorang itu berilmu dalam perusahaan, berinovasi dalam menghasilkan produk dan kreatif.

Kebanyakan institusi pendidikan tinggi terkemuka luar Negara (misalnya Griffith University dan Monash University di Australia, Alverno College di Milwaukee di USA dan The Under-Graduate Key Skills Project di United Kingdom) juga memberi fokus terhadap kecekapan dengan menerapkan kemahiran generik pelajar secara komprehensif berasaskan program yang direkabentuk khusus.

Dalam konteks sistem pendidikan di Malaysia, di antara kemahiran generik yang dikenalpasti perlu dimiliki oleh pelajar adalah kemahiran berkomunikasi, kemahiran menggunakan teknologi, kemahiran merancang dan mengelola aktiviti, kemahiran bekerja dengan orang lain dan dalam kumpulan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran mengurus, memilih dan menganalisa maklumat, kemahiran menggunakan idea dan teknik matematik dan kemahiran budaya (Program Sekolah Ke Kerjaya, Kementerian Pelajaran Malaysia).

1.2 Latarbelakang Masalah

Universiti bukan sahaja dianggap sebagai institusi dalam proses mengembang dan membudayakan ilmu malah bertanggungjawab untuk memenuhi aspirasi dan jangkaan masyarakat serta negara dengan melahirkan mahasiswa yang berketrampilan, mampu berfikir secara rasional, kritis, kreatif, inovatif, berdisiplin dan berakhlak mulia (Ishak, 1998; Khairul Annuar, 1998; Norfadzillah Hitam, 1997; Eh.Chot Cha Chan, 1987).

Kebelakangan ini kerap terdengar keluhan atau suara-suara yang mempertikaikan kewibawaan mahasiswa yang semakin menurun terutama dalam aspek kepimpinan dan jati diri sekalipun setelah bergelar graduan yang diakui keintelektualannya,. Keadaan ini berlaku kerana mungkin sepanjang tempoh mengikuti program-program pembelajaran mereka hanya didedahkan dengan ilmu pengetahuan yang menjurus kepada kursus atau bidang pilihan masing-masing. Ini mengakibatkan mereka lebih memikirkan keperluan terhadap pembangunan kerjaya selepas menerima ijazah berbanding dengan kesedaran memikirkan tanggungjawab terhadap pembangunan diri berhubung dengan kemahiran-kemahiran yang menjadi ‘nilai tambah’ (value added) dalam alam kerjaya masing-masing. Jika andaian ini benar dan tidak didiagnosis, maka universiti akan terus melahirkan graduan yang pasif, tidak kreatif dan kaku dalam menghadapi cabaran-cabaran di luar alam keintelektualannya.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap kemahiran generik di kalangan pelajar di salah sebuah kolej kediaman di UTM Kampus Skudai, Johor Malaysia. Pengkaji juga mengkaji tahap kemahiran generik dengan melihat perbezaan di antara jantina.

1.4 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk membantu universiti menyediakan dan mengambil langkah yang perlu untuk melahirkan graduan yang berkejuruan. Seterusnya dapat membantu pelajar membuat persediaan menghadapi dunia kerjaya sebenar.

1.5 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk :

- i) Melihat tahap kemahiran generik pelajar di Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail dalam tujuh aspek berikut:
 - Kemahiran Berkomunikasi
 - Kemahiran Bekerja dalam Kumpulan
 - Kemahiran Menyelesaikan Masalah
 - Kemahiran Menjadi Fleksibel
 - Kemahiran Pembelajaran Sepanjang Hayat
 - Kemahiran Berkeyakinan Diri
 - Kemahiran Etika dan Moral

- ii) Mengenalpasti perbezaan amalan antara tahap kemahiran generik merentas jantina.

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini adalah :

Untuk melihat perbezaan antara kemahiran generik merentas jantina, 8 hipotesis telah dibentuk.

H₀1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kemahiran generik yang pertama (***Kemahiran Komunikasi***) merentas jantina.

H₀2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kemahiran generik yang kedua (***Kemahiran Bekerja Secara Kumpulan***) merentas jantina.

H₀3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kemahiran generik yang ketiga (***Kemahiran Menyelesaikan Masalah***) merentas jantina.

H₀4 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kemahiran generik yang keempat (***Kemahiran Menjadi Fleksibel***) merentas jantina.

H₀5 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kemahiran generik yang kelima (***Kemahiran Pembelajaran Sepanjang Hayat***) merentas jantina.

H₀6 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kemahiran generik yang keenam (***Kemahiran Keyakinan Diri***) merentas jantina.

H₀7 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kemahiran generik yang ketujuh (*Kemahiran Beretika dan Moral*) merentas jantina.

H₀8 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kemahiran generik secara keseluruhan merentas jantina.

1.7 Kepentingan Kajian

1.7.1 Membantu pelajar mengenalpasti tahap kemahiran generik yang ada dalam diri mereka.

1.7.2 Membantu pihak kolej mengenalpasti tahap kemahiran generik yang dimiliki oleh para pelajarnya.

1.7.3 Membolehkan pihak kolej menyediakan program-program kemahiran yang lebih terancang yang dapat membantu pelajar menghadapi dunia kehidupan sebenar selepas tamat belajar.

1.8 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar tahun 2 di salah sebuah kolej kediaman di UTM, Kampus Skudai sebagai sampel. Kemahiran Generik yang dikaji juga hanya tertakluk kepada kemahiran generik yang digariskan oleh UTM iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran bekerja secara kumpulan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran menjadi fleksibel, kemahiran pembelajaran sepanjang hayat, kemahiran keyakinan diri dan kemahiran beretika dan moral.

1.9 Definisi Konseptual dan Operasional

Definisi konsep adakalanya dirujuk sebagai definisi teori harus bersandarkan pada sesuatu teori atau telah diperkukuhkan oleh kajian-kajian lepas. Ia memberi maksud yang lebih abstrak atau umum.

Definisi operasional pula ialah definisi yang digunakan oleh penyelidik untuk menjelaskan responden, pembolehubah yang hendak diuji atau dimanipulasi dalam kajian. Ia memberi gambaran bagaimana konsep yang hendak dikaji itu boleh diperhatikan atau dimanipulasikan. Definisi operasional menentukan prosedur yang spesifik bagi melaksanakan kajian ke atas definisi konsep mengenai sesuatu, individu atau objek. Dengan cara ini ia memberi peluang untuk mengkaji pembolehubah itu secara empirik. (Sabitha Marican, 2005)

Beberapa istilah yang digunakan dalam penulisan ini memerlukan definisi yang terperinci. Definisi ini perlu kerana pengertian umum dengan pengertian dalam kajian ini mungkin berbeza. Istilah-istilah tersebut ialah:

i) Tahap

Mengikut Dewan Bahasa dan Pustaka (1999) tahap merupakan takat atau aras dalam sesuatu usaha. Dalam kajian ini pengkaji telah mentakrifkan tahap sebagai tanda aras atau petunjuk terhadap elemen kemahiran generik di kalangan pelajar dikolej yang dikaji. Tahap kemahiran generik yang ada dalam diri pelajar telah diklasifikasikan kepada tiga tahap iaitu tinggi, sederhana dan rendah.

ii) Keyakinan

Keyakinan mengikut Dewan Bahasa dan Pustaka (1999), keyakinan adalah bermula dari kata akar 'yakin' yang bermaksud rasa pasti akan benarnya dalam sesuatu perkara itu. Justeru itu dalam kajian ini pengkaji mendefinisikan adalah rasa pasti terhadap kebolehan menguasai kemahiran generik dalam aktiviti pembelajaran di UTM.

iii) Kemahiran

Kemahiran disama erti dengan kompeten yang membawa maksud cepat, layak dan menjalankan tugas dengan sempurna. Kemahiran merujuk kepada keupayaan dan keupayaan dan perkembangan seseorang dalam membentuk kejayaan dalam diri mereka.

iv) Kemahiran Generik


Kemahiran Generik adalah kemahiran umum selain kemahiran yang melibatkan teknikal (Drew, S, 1998). Terdapat pelbagai kemahiran generik yang digariskan oleh sesebuah organisasi mahupun dasar kerajaan. Namun dalam kajian ini kemahiran generik adalah tertakluk kepada kemahiran generik yang digariskan oleh UTM iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran bekerja secara kumpulan, kemahiran

menyelesaikan masalah, kemahiran menjadi fleksibel, kemahiran pembelajaran sepanjang hayat, kemahiran keyakinan diri dan kemahiran beretika dan moral.

iv) Pelajar

Pelajar-pelajar tahun 2 di salah sebuah kolej kediaman UTM, Kampus Skudai, Johor Bahru.

1.10 KERANGKA KONSEP



Rajah 1.1: Kerangka Konsep

1.11 Penutup

Kemahiran generik dianggap sebagai satu kemahiran penting yang perlu ada bagi setiap individu sebagai satu kompetensi dalam diri mereka. Kemahiran ini perlu dilatih supaya rakyat Malaysia mempunyai sumber (manusia) yang dapat menggerakkan kemahiran dalam pelbagai bidang.

Justeru, seseorang individu yang ingin berjaya dan menerajui diri akan memastikan bahawa mereka berusaha sedaya mungkin untuk mengadakan satu jalinan perhubungan yang sesuai dengan orang lain. Perkara yang penting ialah sikap diri dan kemampuan diri yang lahir daripada kemahiran yang diperolehi dan dipelajari. Pengetahuan yang diperolehi samada di dalam bilik kuliah mahupun di luar bilik kuliah akan memantapkan lagi kemahiran generik dalam diri seseorang individu dan ini akan memungkinkan kita menjalinkan hubungan yang baik dengan orang lain dan hubungan yang baik dalam organisasi apabila berada dalam dunia kerjaya sebenar nanti.